

**KEBERKESANAN PEMBANGUNAN LUAR
BANDAR DI DAERAH AYAMARU DAN
AYAMARU TIMUR KABUPATEN MAY BRAT
PROVINSI PAPUA BARAT INDONESIA**

HERMAN KARETH

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2018

**KEBERKESANAN PEMBANGUNAN LUAR
BANDAR DI DAERAH AYAMARU DAN
AYAMARU TIMUR KABUPATEN MAY BRAT
PROVINSI PAPUA BARAT INDONESIA**

oleh

HERMAN KARETH

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Januari 2018

PENGAKUAN

**Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri,
Kecuali kutipan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya
Telah saya jelaskan sumbernya.**

2017

HERMAN KARETH

PSD-0038 / 10 (R)

PENGHARGAAN

Puji syukur kepada Tuhan Yang Maha Kasih atas tuntunanNya, Tesis ini dapat diselesaikan sebagai syarat akademik program Ph.D di Program Studi Perancangan dan Pengurusan Pembangunan Universiti Sains Malaysia.

Dalam penuntasan Tesis ini penulis mendapat sokongan dari berbagai pihak, berupa barangan dan kewangan. Patutlah penulis menghaturkan terima kasih dan penghargaan yang tulus kepada yang disebutkan berikut ini.

1. Penyelia Utama PROF. MADYA DR. NOR MALINA MALEK atas waktu yang dicurahkan untuk membimbing penulis dalam menuntaskan program Ph.D di Universiti Sains Malaysia. Terima kasih juga kepada penyelia bersama PROF. MADYA DR. OSMAN MD YUSOFF.
2. Naib Canselor Universiti Sains Malaysia dan Dekan Institut Pengajian Siswasah serta Ketua Program Studi Perancangan dan Pengurusan Pembangunan atas kebijakan dalam penyelenggaraan program Ph.D yang memberi kesempatan penulis dapat menyelesaikannya.
3. Staf akademik program studi dan IPS serta Universiti Sains Malaysia yang telah menyokong dalam pelayanan akademik sehingga penulis dapat menuntaskan program Ph.D
4. Pemerintah Kabupaten May Brat atas dukungan kewangan, Kepala Distrik Ayamaru dan Ayamaru Timur, Kepala Kelurahan, Kepala Kampung, Pemuka Komuniti, Kaki Tangan Kerajaan dan Para Responden dari 4 kampung kajian kes iaitu Mefkajim, Fiane, Kambuaya dan Kambuskato yang menyokong memberikan data dan informasi yang berhubungkait dengan penulisan Tesis ini.

5. Rektor Universitas Cenderawasih, Dekan FISIP dan Program Studi Ilmu Kesejahteraan Sosial (IKS) atas sokongan kewangan dan kesempatan yang disediakan bagi penulis mengikuti program Ph.D di Universiti Sains Malaysia.
6. Pemerintah Kabupaten Manokwari, Teluk Wondama, Teluk Bintuni dan Kabupaten Kepulauan Yapen, Waropen, Sarmi, May Brat serta Kabupaten Yalimo atas sokongan kewangan sehingga penulis menyelesaikan studi tersebut.
7. Gereja Baptis Kota Raja yang menyokong dalam pengumpulan doa sehingga penulis diberi kekuatan dan kemampuan dalam menuntaskan program Ph.D tersebut.
8. Isteri kekasih Troce Kambu dan anak-anak iaitu Raymon Fidman Kareth dan isteri Melani Ekawati Donggori, Anak Liddy Herlina Kareth dan suami Fredrick Alfredo Ferdinandus, Kori Kareth, Valentino Anggelino Kareth , Hagai Kareth, Maria Howay, Nusi Howay dan Bapak Elisa Kambu atas dukungan kewangan dan doa restu yang menyokong penuntasan studi ini.
9. Ibu Kristina Kareth, Mira Kambu dan Mersi Homer atas dukungan memberi data dan informasi yang berhubungkait dengan penulisan Tesis ini.

Tuhan memberi kekuatan dan berkat bagi semua yang disebutkan di atas.

Terimakasih.

Pulau Pinang
2018

HERMAN KARETH

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iv
Senarai Jadual	xi
Senarai Rajah.....	xiii
Senarai Akronim	xiv
Abstrak	xvi
Abstract	xviii

BAB 1 - PENGENALAN

1.1 Pendahuluan.....	1
1.2 Permasalahan Kajian.....	4
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Sumbangan Kajian	7
1.7 Skop Kajian	8
1.8 Organisasi Tesis	8

BAB 2 - SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	10
2.2 Definisi Konsep Pembangunan	10
2.2.1 Teori Pembangunan Lestari.....	12
2.3 Pembangunan Luar Bandar	18

2.4	Keberkesanan Program Pembangunan.....	25
2.5	Sorotan Kajian Lepas	28
2.5.1	Keberkesanan Program Pembangunan Luar Bandar	28
2.5.2	Keberkesanan Pembangunan Terhadap Kesejahteraan Komuniti ...	32
2.5.3	Keberkesanan Faktor Dalaman dan Luaran Terhadap Kesejahteraan Komuniti	36
2.6	Kerangka Konseptual Kajian	40

**BAB 3 - KEADAAN UMUM PROVINSI PAPUA BARAT DAN KAWASAN
KAJIAN KES**

3.1	Provinsi Papua Barat.....	44
3.1.1	Pengenalan	44
3.1.2	Latar Belakang Kawasan kajian.....	44
3.1.2(a)	Pemisahan Provinsi Papua Barat	44
3.1.2(b)	Letak, Luas dan Sempadan	45
3.1.3	Demografi (Penduduk)	47
3.1.3(a)	Jumlah Penduduk.....	48
3.1.3(b)	Taburan Penduduk	52
3.1.4	Institusi Kerajaan.....	54
3.1.5	Budaya dan Sosio-Ekonomi	56
3.2	Kawasan Luar Bandar	58
3.2.1	Kawasan Daerah.....	58
3.2.2	Kawasan Kajian Kes	60
3.3	Rumusan	61

BAB 4 - KAEDAH PENYELIDIKAN

4.1	Pengenalan	62
4.1.1	Pendekatan Penyelidikan Kualitatif.....	62
4.1.2	Kajian Kes	64
4.1.3	Unit Analisis	65
4.2	Kaedah Kutipan Data.....	67
4.2.1	Kutipan Data Primer	67
4.2.1(a)	Instrumen Kutipan Data Primer	68
4.2.2	Kutipan Data Sekunder	69
4.3	Kaedah Persampelan	70
4.4	Kaedah Analisis Data Kualitatif	72
4.4.1	Pengumpulan Data	74
4.4.2	Pengurangan Data	76
4.4.3	Penyajian Data	79
4.4.4	Analisis Data dan Kesimpulan	79
4.5	Rumusan	81

BAB 5 - ANALISIS DAPATAN KAJIAN

5.1	Pengenalan	83
5.2	Program Pembangunan Luar Bandar Di Kabupaten May Brat	84
5.2.1	Kegiatan Sarana Fizikal	84
5.2.1(a)	Pembukaan Fizikal Jalan Tanah Berlumpur.....	84
5.2.2	Kegiatan Sosial	88
5.2.3	Kegiatan Ekonomi	91
5.2.4	Pembangunan Prasarana Fizikal.....	96

5.2.4(a)	Penambahbaikan Jalan Sorong-Klamono ke Ayamaru	96
5.2.4(b)	Penambahbaikan Jalan Raya Teminabuan ke Ayamaru.....	98
5.2.4(c)	Pembangunan Sarana Komunikasi	99
5.2.5	Pembangunan Sosial	100
5.2.5(a)	Pembangunan Kecamatan Utama Ayamaru	100
5.2.5(b)	Bantuan Pemerksaan Komuniti.....	101
5.2.5(c)	Beras Komuniti Miskin (Raskin)	103
5.2.5(d)	Bantuan Wang Langsung Tunai	105
5.2.5(e)	Program Pemerksaan Komuniti Berdikari	106
5.2.5(f)	Program Bantuan Autonomi Khas Papua	107
5.2.5(f)(i)	Program Pendidikan	107
5.2.5(f)(ii)	Program Kesihatan.....	109
5.2.6	Pembangunan Ekonomi.....	111
5.2.6(a)	Pola Tani Perladangan	111
5.2.6(b)	Penambangan Sumber Alam Tempatan.....	114
5.2.6(c)	Rencana Strategik Pembangunan Kampung (RESPEK).....	115
5.2.6(d)	Pembangunan Alam Sekitar	116
5.3	Keberkesanan Program Pembangunan Luar Bandar Di Kabupaten May Brat.....	118
5.3.1	Pembangunan Infrastruktur Khas Jalan Raya	118
5.3.2	Pembangunan Sosial	120
5.3.3	Program Pembangunan Ekonomi	122
5.3.4	Pembangunan Alam Sekitar.....	122

5.4	Faktor Yang Mempengaruhi Keberkesanan Program Pembangunan	
	Luar Bandar	124
5.4.1	Faktor Dalaman	125
5.4.2	Faktor Luaran.....	126
5.5	Analisis Dapatan Kajian	127
5.5.1	Mengenal Pasti Program Pembangunan Luar Bandar Yang Dijalankan Oleh Kerajaan Indonesia Di Kabupaten May Brat	127
5.5.2	Menganalisis Keberkesanan Program Pembangunan Luar Bandar Yang Dijalankan Oleh Kerajaan Indonesia Terhadap Kesejahteraan Komuniti Di Kawasan Kajian	129
5.5.3	Mengkaji Faktor Yang Mempengaruhi Keberkesanan Program Pembangunan Luar Bandar Dalam Meningkatkan Kesejahteraan Komuniti Di Daerah Ayamaru dan Ayamaru Timur	130
5.6	Rumusan	132

BAB 6 - PERBINCANGAN KEBERKESANAN PROGRAM PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DI KABUPATEN MAY BRAT

6.1	Pengenalan	134
6.2	Program Pembangunan di Daerah Ayamaru dan Ayamaru Timur	134
6.2.1	Pembangunan Fizikal.....	134
	6.2.1(a) Jalan Tanah Berlumpur	134
	6.2.1(b) Jalan Raya Teminabuan ke Ayamaru	135
	6.2.1(c) Program Pembangunan Jalan Trans Sorong- Ayamaru	136

6.2.2	Pembangunan Sosial	141
6.2.2(a)	Program Pembangunan Prasarana Kesehatan Dan Pendidikan	141
6.2.2(b)	Program Pembangunan Rumah Penduduk, Letrik dan Air Minuman.....	142
6.2.3	Program Pembangunan Ekonomi	143
6.3	Keberkesanan Progam Pembangunan Terhadap Kesejahteraan Komuniti di Daerah Ayamaru dan Ayamaru Timur	149
6.4	Faktor Yang Mempengaruhi Keberkesanan Program Pembangunan Luar Bandar Dalam Meningkatkan Tahap Kesejahteraan Komuniti Daerah Ayamaru dan Ayamaru Timur	152
6.5	Rumusan	156

BAB 7 - RUMUSAN DAN CADANGAN

7.1	Pengenalan	158
7.2	Rumusan Kajian.....	158
7.2.1	Program Pembangunan Luar Bandar	158
7.2.2	Keberkesanan Program Terhadap Kesejahteraan Komuniti.....	159
7.2.3	Faktor Yang Mempengaruhi Keberkesanan Proram Pembangunan Luar Bandar	160
7.3	Implikasi Kajian.....	161
7.4	Cadangan Kajian dan Kajian Lanjut	162
7.4.1	Cadangan Kajian	162
7.4.1(a)	Pengembangan Kegiatan Kreatif Berdikari	162

7.4.1(b) Campur Tangan Kerajaan Berasaskan Program	
Percontohan.....	163
7.4.2 Cadangan Kajian Lanjut.....	164
7.4.2(a) Program yang sudah berjaya dibina.....	165
7.4.2(b) Program Yang Perlu Dibina Berterusan	166
7.4.2(c) Asas Bekerja	166
7.5 Kesimpulan.....	167
BIBLIOGRAFI	170
LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 Keluarga Miskin Pesakit Mental dan Anak Nakal Yang Memperoleh Bantuan Sosial dan Bantuan Perkhidmatan Sosial Tahun 2011	2
Jadual 1.2 Jenis Penyakit Yang Dideritai Komuniti May Brat	4
Jadual 2.1 Penunjuk Sosial Yang Relevan	22
Jadual 3.1 Jumlah Bandar, Kabupaten, Daerah, Kelurahan dan Kawasan Luar Bandar Di Provinsi Papua Barat	47
Tahun 2010	
Jadual 3.2 Penduduk Provinsi Papua Barat Mengikut Kelompok Umur Dan Jenis Jantina Tahun 2008 – 2009	48
Jadual 3.3 Jumlah dan Kepadatan Penduduk (perkilometer persegi dan per rumah)	49
Jadual 3.4 Jumlah Penduduk Miskin Di Indonesia Mengikut Provinsi Tahun 2009	50
Jadual 3.5 Keluarga yang Diberi Bantuan Sosial mengikut Kabupaten/Bandar Tahun 2009	51
Jadual 3.6 Bandar, Kabupaten, Daerah, Kelurahan dan Kampung Di Provinsi Papua Barat	52
Jadual 3.7 Kawasan Penghunian dan Pola Hidup Penduduk Provinsi Papua Barat	54
Jadual 3.8 Bandar, Kabupaten, Daerah, Kelurahan dan Kawasan Luar Bandar di Provinsi Papua Barat	55
Jadual 3.9 Daerah Ayamaru, Ayamaru Timur dan Kawasan Luar Bandar	58

Jadual 3.10	Keluarga Miskin Pesakit Mental dan Anak Nakal Yang Memperoleh Bantuan Sosial dan Bantuan Perkhidmatan	60
	Sosial Tahun 2011	
Jadual 3.11	Penduduk di Empat Buah Kampung Kajian Kes	60
Jadual 4.1	Penentuan Sampel Mengikut Kampung Kajian Kes Dan Ketua Isi Rumah	71
Jadual 4.2	Data Yang Digunakan Untuk Analisis	77

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1	Perladangan Dengan Tanaman Tempatan di Kampung
	Kajian Kes Fiane daerah Ayamaru 15
Rajah 2.2	Jenis-Jenis Tindakan Dasar 21
Rajah 2.3	Perladangan dengan Tanaman Tempatan di kawasan kajian..... 37
Rajah 2.4	Kerangka Konseptual Kajian Tentang Pembangunan
	Luar Bandar 40
Rajah 3.1	Map Indonesia dan Kawasan Penyelidikan 45
Rajah 3.2	Peta Provinsi Papua Barat 56
Rajah 4.1	Komponen-Komponen Analisis Data 73
Rajah 5.1	Rumah Tradisional 93
Rajah 5.2	Pedangkalan Tasik Ayamaru, Tahun 2012 95
Rajah 5.3	Penghasilan Tanaman Tempatan 113
Rajah 5.4	Kemusnahan Alam Sekitar 117

SENARAI AKRONIM

OTSUS	Otonomi Khas
YPK	Yayasan Pendidikan Kristen
SD	Sekolah Dasar
SMP	Sekolah Menengah Pertama
SMU	Sekolah Menengah Umum
SMK	Sekolah Menengah Kejuruan
UU	Undang – Undang
PUSKESMAS	Pusat Kesehatan Masyarakat
PUSTU	Puskesmas Pembantu
PUSLING	Puskesmas Keliling/Bergerak
POSYANDU	Pusat Pelayanan Terpadu (Bersepadu)
WHO	World Health Organization
PNG	Papua New Guinea
TBC	Tuber Colusa
LAKU	Latihan Kunjungan
PPL	Penyuluh Pertanian Lapangan
PKP	Pembangunan Kecamatan Prioritas (Utama)
KKB	Kegiatan Kreatif Berdikari
WRB	Wang Rangsangan Bersyarat
MPK	Matode Padat Karya (Metode Intensif Pekerja)
TGC	Tambang Golongan C
SERBANG TANI	Sentra Pengembangan Pertanian
ABT	Anu Beta Tubat (Bersama Mengangkat Beban)

RESPEK	Rencana Strategik Pembangunan Kampung
FGD	Focus Group Discussion
BPS	Badan Pusat Statistik
NGO	Non Government Organization
PNPM	Program Nasional Pemberdayaan Masyarakat
WVI	World Vision International
UNDP	United Nation Development Program
PBB	Pertubuhan Bangsa –Bangsa Bersatu
DEPSOS	Departemen Sosial
PKK	Program Kesejahteraan Keluarga
LSM	Lembaga Swadaya Masyarakat
KUD	Koperasi Unit Desa
RASKIN	Beras Miskin
BLT	Bantuan Langsung Tunai
MRP	Majelis Rakyat Papua
DPRP	Dewan Perwakilan Rakyat Papua
BAPPEDA	Badan Perancangan Pembangunan Daerah
DEPDAGRI	Departemen Dalam Negeri
BPMK	Badan Pemberdayaan Masyarakat Kampung
DAS	Daerah Aliran Sungai
JVVS	Jongens Ver Volk School
MVVS	Mesies Ver Volk School
SDM	Sumber Daya Manusia
PEPERA	Penentuan Pendapat Rakyat

**KEBERKESANAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
DI DAERAH AYAMARU DAN AYAMARU TIMUR
KABUPATEN MAY BRAT, PROVINSI PAPUA BARAT, INDONESIA**

ABSTRAK

Komuniti May Brat mendiami daerah luar bandar yang terasing dari kawasan bandar dan berkesan terhadap kehidupan komuniti yang masih miskin. Belum banyak infrastruktur fizikal, program untuk pemerksaan sosial, pembangunan ekonomi dan alam sekitar di daerah berkenaan serta masih terdapat jurang antara bandar dan luar bandar. Objektif pertama kajian ini adalah mengkaji keberkesanan pembangunan luar bandar yang mencakupi bentuk dan tujuan pembangunan. Manakala objektif kedua ialah menganalisis keberkesanan program pembangunan terhadap kesejahteraan komuniti. Objektif ketiga pula mengenal pasti faktor luaran dan dalaman yang mempengaruhi keberkesanan program pembangunan dalam meningkatkan kesejahteraan komuniti. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes. Data primer dikutip melalui kaedah temu bual separa berstruktur, temu bual mendalam, perbincangan kumpulan fokus (FGD) dan pemerhatian. Kaedah analisis data yang digunakan ialah analisis kandungan dan analisis bingkai. Kaedah persampelan bertujuan dipilih kerana semua responden mempunyai atribut yang sama. Responden terdiri daripada 50 orang penerima bantuan pemerksaan, 15 informan tokoh komuniti dan 5 informan kaki tangan kerajaan. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati program pembangunan lebih berfokus kepada infrastruktur fizikal seperti jalan raya dan sistem komunikasi. Kesannya ialah mengurangkan keterasingan antara daerah May Brat dengan kawasan

lain yang lebih maju. Kemudahan sosial juga turut dibangunkan dan memberi manfaat kepada kesejahteraan komuniti. Namun, program pemerksaan komuniti, pembangunan ekonomi dan alam sekitar masih belum menunjukkan keberkesanan. Implikasi dasar kajian ini adalah pihak kerajaan perlu meneruskan program pembangunan luar bandar dengan lebih berkesan bagi mengurangkan jurang antara komuniti luar bandar dan bandar serta bagi meningkatkan kesejahteraan komuniti luar bandar dengan jayanya.

**THE EFFECTIVENESS OF RURAL DEVELOPMENT OF AYAMARU AND
EAST AYAMARU REGIONS, MAY BRAT DISTRICT, WEST PAPUA
PROVINCE, INDONESIA**

ABSTRACT

The May Brat community inhabits rural areas which are isolated from urban areas and affects on the lives of the community that is still poor. There are not yet many physical infrastructure, programs for social empowerment, economic development and the environment in these areas and there is still a gap between the city and the rural areas. The first objective of this study is to investigate the effectiveness of rural development in terms of the form and purpose of development. While the second objective is to analyze the effectiveness of the development programs on the well-being of the community. The third objective identifies external and internal factors affecting the effectiveness of development programs in improving the well-being of the community. This study uses a qualitative approach in the form of a case study. Primary data were collected through semi structured interview, in-depth interviews, focus group discussions (FGDs) and observations. The data analysis method used is content analysis and frame analysis. The purposive sampling method was chosen because all respondents had the same attributes. Respondents consisted of 50 empowerment program beneficiaries, while the informants include 15 community leaders and 5 government servants. Overall, the findings show that development programs focus more on physical infrastructure such as roads and communication systems. The effect is the reduction of the isolation between May Brat district and other more developed regions. Social facilities are

also developed and beneficial to the well-being of the community. However, community empowerment, economic and environmental development programs have yet to demonstrate effectiveness. The policy implication of this research is that the government should continue to implement rural development programs more effectively in order to reduce the gap between the rural and urban communities and to successfully improve the well-being of the rural community.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kabupaten May Brat merupakan pusat perkembangan kerajaan baru sebagai dasar politik pembangunan melalui perluasan kawasan kerajaan yang dipisahkan daripada kabupaten induk Sorong di Provinsi Papua Barat Indonesia. Perluasan wilayah pemerintahan ini dilakukan kerana keadaan asal yang tidak menyokong kejayaan komuniti seperti keterasingan daerah May Brat dari daerah bandar, belum ada sarana fizikal, kehidupan sosial, ekonomi yang masih sederhana dan kemusnahan alam sekitar melalui pola perladangan yang berterusan. Selari dengan itu kerajaan menjalankan program pembangunan sejak tahun 1970 sehingga tahun 2013 dengan bentuk program infrastruktur fizikal, sosial, ekonomi dan persekitaran. Tujuan program pembangunan yang dijalankan dan dibina oleh kerajaan ialah untuk mengurangkan keterasingan daerah May Brat dengan kawasan bandar, melancarkan pengangkutan keperluan kerajaan dan komuniti serta meningkatkan tahap kesejahteraan komuniti tempatan. Kemajuan dan perubahan daerah May Brat menunjukkan peningkatan setelah kerajaan menjalankan program pembangunan, terutamanya infrastruktur fizikal jalan raya yang digunakan oleh komuniti sebagai penghubung kepada semua kampung-kampung di kabupaten ini.

Setelah program pembangunan dilaksanakan oleh kerajaan, terutamanya sarana fizikal seperti jalan raya telah mendorong peningkatan sosioekonomi komuniti May Brat, namun masalah kemiskinan dan kesejahteraan masih lagi ketinggalan apabila dibandingkan dengan daerah lain yang semakin baik. Kawasan yang tahap kemiskinannya rendah ataupun sudah baik seperti Kaimana, Teluk Wondama,

Manokwari dan Raja Ampat, disebabkan lokasinya strategik di bandar yang sudah maju sedangkan kawasan yang tahap kemiskinannya tinggi adalah seperti Fak-Fak, Teluk Bintuni, Sorong Selatan termasuk daerah May Brat dan daerah Sorong.

Data statistik yang menyokong hal tersebut dikeluarkan oleh BPS Sorong Selatan (2009) yang menjelaskan bahawa “sebelum pemisahan kabupaten May Brat dari kabupaten Sorong Selatan, terdapat komuniti miskin seramai 19,630 orang”. Data terperinci dibentangkan dalam jadual 1.1 di bawah ini.

Jadual 1.1
Keluarga Miskin Pesakit Mental dan Anak Nakal yang Memperoleh
Bantuan Sosial dan Bantuan Perkhidmatan Sosial Tahun 2011

Kabupaten/Bandar		Fakir Miskin	Cacat Mental	Anak Nakal
1	Fak-fak	463	146	6
2	Kaimana	0	187	0
3	Teluk Wondama	0	1159	0
4	Teluk Bintuni	3084	391	0
5	Manokwari	0	0	0
6	Sorong Selatan	19,630	23	0
7	Sorong	2885	998	0
8	Raja Ampat	0	370	0
9	Bandar Sorong	2 044	593	195
	Papua Barat	28106	3 867	201

Sumber : BPS Papua Barat (2009)

Komuniti miskin seramai 19,630 di kabupaten Sorong Selatan sudah termasuk komuniti di empat kawasan kajian kes yang berjumlah 2,180 orang (11 peratus). Namun selepas daerah May Brat menjadi kabupaten May Brat, dicatat oleh BPS May Brat (2010), bahawa komuniti miskin seramai 2,860 orang atau 11.41 peratus daripada jumlah penduduk kabupaten May Brat yang berjumlah 25,061 orang. Berdasarkan data

tersebut didapati mereka tidak berdaya disebabkan pelbagai masalah sosial, ekonomi dan budaya seperti pendapatan tidak menentu, bertani sebagai sara hidup, sistem pembajakan tanah tradisional, simpanan rendah, pemakanan buruk, pendidikan rendah, buta huruf, pemilikan harta kurang, tanggungan keluarga besar, kuasa beli rendah, peralatan pertanian tradisional, jumlah kelahiran bertambah dan pelbagai aspek hidup yang lain, BPS May Brat (2010). Fenomena ini menyebabkan komuniti tempatan tidak berjaya dan hanya bergantung pada pola hidup sederhana yang bersifat sara hidup seperti pertanian tempatan atau peladang yang berpindah-randah dengan pengeluaran dan pendapatan yang rendah. Hal ini menyebabkan komuniti asal tidak dapat memenuhi keperluan hidupnya dan juga tidak berperanan aktif dalam proses pembangunan. Maka itu proses pembangunan perlu berterusan, sehingga tidak berlaku jurang antara kelompok yang kaya di bandar dengan komuniti luar bandar yang tetap terabai menanggung beban kemiskinan dan pengangguran. Untuk menyokong usaha daripada keterasingan dan ketidakperkasaan komuniti, maka kerajaan telah menjalankan pembangunan di luar bandar dan kawasan kajian, dengan fokus program pemerksaan iaitu sarana fizikal, sosial, ekonomi, dan alam sekitar. Sebagai petunjuk, telah dibina jalan tanah berlumpur, penambahbaikan jalan raya dan jalan raya baru yang menghubungkan bandar dengan daerah luar bandar. Manakala pembangunan sosial yang dijalankan seperti pendidikan, kesihatan, perumahan, sarana air minuman, lampu elektrik, dan menara komunikasi. Sedangkan aspek ekonomi yang dijalankan adalah seperti pembinaan pasar, kedai, dan bank. Untuk kelestarian alam, belum ada program yang dijalankan kerajaan, menyebabkan terjadinya kemusnahan alam sekitar. Program pembangunan yang dijalankan diharap memberikan kesejahteraan kepada komuniti, seperti pengangkutan barang keperluan asas komuniti dan kerajaan, bahan pembinaan, mengurangkan jarak atau waktu yang digunakan untuk menghubungkan

bandar dan luar bandar, mengikuti perkembangan melalui warta kerajaan tentang masalah-masalah yang terjadi di bandar, kawasan lain di Indonesia atau di luar negara. Selari dengan itu, mereka juga mendapat perkhidmatan pendidikan, kesihatan, perumahan, sarana air minuman, lampu elektrik dan keperluan asas lain.

1.2 Permasalahan Kajian

Masalah sosial seperti penyakit malaria, masalah pernafasan, cirit-birit dan aspek lain, seperti yang telah dinyatakan dalam bahagian pendahuluan bab ini, walaupun telah banyak program pembangunan luar bandar dijalankan oleh pihak kerajaan di kabupaten May Brat namun masih belum memperlihatkan hasil yang yang berkesan. Masih banyak berlaku seperti ditunjukkan dalam jadual 1.2

Jadual 1.2
Jenis Penyakit Yang Dideritai Komuniti May Brat

Bil	Jenis Penyakit	Orang	Peratus
1	Malaria	2263	9.03
2	Masalah pernafasan	589	2.35
3	Cirit-birit	568	2.27
4	Malnutrisi	479	1.92
5	Kematian kerana malaria	270	1.08
6	Kematian kerana cirit-birit	109	0.43

Sumber : Badan Statistik Kabupaten May Brat (2010)

Hal ini menunjukkan program pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan tidak memberikan keberkesanan seperti yang diharapkan. Berdasarkan keperluan komuniti tempatan yang belum dipenuhi, maka terdapat perbezaan hasil pembangunan kerajaan seperti sarana prasarana, sosial, ekonomi, alam sekitar, perumahan, dan perhubungan antara pusat bandar yang maju dengan kawasan luar bandar yang

mundur. Sorong menjadi sebagai pusat bandar yang maju kerana disediakan kemudahan perumahan kerajaan, perkhidmatan kesihatan, sarana pendidikan, sarana ekonomi (pasar, koperasi, kedai), lapangan terbang, pelabuhan, pengangkutan ke bandar, pelestarian alam sekitar dan keperluan lain yang sudah maju. Sedangkan kawasan luar bandar Ayamaru masih mundur kerana belum disediakan kemudahan seperti kemudahan kesihatan, pendidikan, ekonomi, pengangkutan, permukiman atau rumah, dan pekerjaan yang telah mengakibatkan penduduk tidak maju. Maka terdapat pelbagai faktor yang boleh menyebabkan program pembangunan, kesejahteraan komuniti yang diusahakan oleh kerajaan tidak berjaya. Suebu (2007) menyatakan seperti berikut:

“Faktor yang merupakan kelemahan dalam pembangunan luar bandar adalah kualiti sumber manusia yang terhad, pemanfaatan sumber alam yang belum memadai, peranan sumber sosial di luar bandar belum efektif, pemanfaatan sumber ekonomi tempatan juga masih sederhana dan terletak jauh dari pusat bandar Sorong, permukiman komuniti yang hidup berselerak dan tempat tinggal yang sederhana, serta kebergantungan yang tinggi kepada kerajaan dan institusi swadaya masyarakat (NGO)”.

Meidema dan Antoh (2002), dalam hasil penyelidikan mereka menyatakan bahawa daerah pusat bandar Sorong terletak di pesisir pantai, pembangunan sudah maju, sudah lama dibangunkan sebagai pusat kerajaan sejak kerajaan Belanda, sedangkan daerah Ayamaru dan Ayamaru Timur terletak 180 km dari bandar Sorong. Sebelum tahun 1970, digunakan jalan tanah berlumpur yang dapat dilalui dengan berjalan kaki dari daerah Ayamaru ke Teminabuan di tepi pantai sejauh 34 km, dan dengan kapal berukuran kecil ke pusat Bandar di Sorong. Dikatakan bahawa pembangunan yang dilakukan kerajaan selepas tahun 1970 sehingga tahun 2013 belum juga memberikan kesan adanya perubahan yang dapat meningkatkan kesejahteraan komuniti luar bandar. Sebagai contoh, ditunjukkan data statistik oleh BPS May Brat

(2010), angka pengangguran tercatat 1,149 orang atau 4.58 peratus, rumah tidak layak dihuni 1,059 orang atau 4.22 peratus dan penderita masalah sosial 652 orang atau 2.60 peratus. Oleh itu, merujuk kepada perkara di atas, maka kajian ini dilakukan untuk mengkaji faktor penyebab program pembangunan luar bandar di kabupaten May Brat untuk meningkatkan kesejahteraan komuniti masih belum berkenan.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan, maka kajian ini dilaksanakan untuk menjawab beberapa persoalan berikut.

- i. Apakah bentuk dan tujuan program pembangunan luar bandar yang dijalankan oleh kerajaan Indonesia di daerah Ayamaru dan Ayamaru Timur?
- ii. Bagaimanakah program pembangunan luar bandar yang dijalankan kerajaan di daerah Ayamaru dan Ayamaru Timur memberi kesan terhadap kesejahteraan komuniti di kawasan tersebut?
- iii. Apakah faktor dalaman dan luaran yang membawa kepada keberkesanan program pembangunan luar bandar dalam meningkatkan tahap kesejahteraan komuniti tersebut?

1.4 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji keberkesanan pembangunan luar bandar di daerah Ayamaru dan Ayamaru Timur. Secara khasnya kajian ini bertujuan berikut.

- i. Menenal pasti program pembangunan luar bandar yang dijalankan oleh kerajaan Indonesia di daerah Ayamaru dan Ayamaru Timur.

- ii. Menganalisis kesan program pembangunan luar bandar yang dijalankan oleh kerajaan Indonesia terhadap kesejahteraan komuniti di kawasan kajian.
- iii. Mengkaji faktor dalaman dan luaran yang membawa kepada keberkesanan program pembangunan luar bandar dalam meningkatkan tahap kesejahteraan komuniti di daerah Ayamaru dan Ayamaru Timur.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini sangat penting kerana kajian ini merupakan kajian pemerolehan yang terperinci tentang pembangunan luar bandar daerah Ayamaru dan Ayamaru Timur. Di kawasan ini masih belum dilakukan kajian oleh pihak kerajaan, pengajian tinggi dan institusi bukan kerajaan mengenai pembangunan luar bandar. Hasil kajian ini akan memberikan sumbangan yang sangat menyokong dasar pembangunan di kawasan kajian tersebut. Data yang dikutip boleh dijadikan sebagai asas kepada perancangan pembangunan luar bandar di Papua pada masa akan datang.

1.6 Sumbangan Kajian

Kajian tentang pembangunan dan pemerolehan komuniti luar bandar terutamanya di kawasan kajian, tentunya akan dapat menghasilkan suatu konsep atau pemikiran kritis yang merupakan hal baru, yang jika dimanfaatkan akan menyokong kegiatan pembangunan dan mewujudkan peluang pekerjaan, pelestarian alam sekitar, penyerapan tenaga kerja, pembasmian kemiskinan dan mengurangkan pengangguran. Sumbangan teoretikal daripada kajian berbentuk penekanan konsep pembangunan kreatif berdikari melalui strategi pembangunan berterusan, wujud sokongan wang rangsangan bersyarat (WRB), keberpihakan bagi komuniti tempatan melalui

penerapan metode padat karya (MPK) atau intensif buruh, pemanfaatan sumber lokal melalui lombong golongan C (TGC) terurus dan campur tangan kerajaan melalui program percontohan pertanian model Sentra Pengembangan Pertanian (SERBANG TANI) serta penerapan asas bekerja bersama atau gotong-royong. Dalam bahasa May Brat disebut Anu Beta Tubat (ABT). Pemikiran kritis itu apabila dijalankan dengan baik, akan berkesan terhadap penyediaan peluang kerja, penyertaan komuniti dalam pembangunan, dan pembasmian kemiskinan, peningkatan pendapatan serta pemenuhan keperluan asas komuniti.

1.7 Skop Kajian

Skop kajian ini meliputi kawasan kajian, tempoh pelaksanaan pembangunan dan faktor yang mempengaruhi keberkesanan program pembangunan. Kawasan kajian luar bandar hanya meliputi daerah Ayamaru dan Ayamaru Timur sahaja. Kajian kes melibatkan empat buah kampung iaitu Mefkajim, Fiane, Kambuaya dan Kambuskato. Program pembangunan yang dikaji hanya melibatkan tempoh pelaksanaan 1970-2013 sahaja. Kajian ini hanya memfokuskan kepada faktor luaran dan dalaman dari aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar sahaja.

1.8 Organisasi Tesis

Organisasi kajian dibahagikan pada tujuh bab. Bab 1 merangkumi pengenalan yang membincangkan pendahuluan, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, sumbangan kajian, batasan dan skop kajian, serta organisasi tesis. Dalam bab 2 dibentangkan sorotan literatur yang membincangkan tentang pengenalan, definisi konsep pembangunan, pembangunan luar bandar, keberkesanan program pembangunan, sorotan kajian lepas dan kerangka konseptual

kajian. Bab 3, menjelaskan gambaran umum daerah penyelidikan Provinsi Papua Barat, sosio ekonomi dan sosio budaya komuniti luar bandar di empat kawasan kajian kes Mefkajim, Fiane, Kambuaya dan Kambuskato di daerah Ayamaru dan daerah Ayamaru Timur, kabupaten May Brat. Seterusnya dalam bab 4, membincangkan kaedah penyelidikan, pengenalan, kaedah kutipan data, kaedah persampelan dan kaedah analisis data kualitatif. Bab 5 pula mengandungi perbincangan dapatan kajian atau analisis hasil penyelidikan, mencakupi kesejahteraan komuniti tempatan sebelum program pembangunan dijalankan, dan kesejahteraan komuniti selepas program pembangunan, pembasmian kemiskinan dan faktor ketidakberjayaan pembangunan. Dalam bab 6 pula dibentangkan perbincangan yang mencakupi persoalan kajian satu sehingga tiga. Bab 7 akan mengandungi pengenalan, rumusan yang menjawab objektif kajian dan implikasi serta cadangan tentang kajian lain yang menyokong pengembangan pembangunan luar bandar.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini membicarakan aspek yang berhubungkait dengan kajian teoretis, pendapat para pakar dan dasar pemimpin dunia tentang program pembangunan mencakupi konsep, tujuan, nilai, manfaat pembangunan dan keberkesanan terhadap kesejahteraan komuniti serta faktor dalaman dan luaran. Aspek perbincangan mencakupi huraian konsep pembangunan, pembangunan lestari, pembangunan berpusat komuniti, pembangunan luar bandar, program pembangunan luar bandar, sorotan kajian lepas dan kerangka konseptual kajian.

2.2 Definisi Konsep Pembangunan

Suharto (2007) menjelaskan bahawa kata pembangunan selaras dengan erti kata “*development*” yang bermakna menumbuhkan, mengembangkan, meningkatkan atau mengubah secara bertahap. Pembangunan boleh diertikan sebagai proses memajukan atau memperbaiki sesuatu keadaan melalui pelbagai tahap secara terancang dan berkesinambungan. Konsep teras dalam pandangan ini menekankan daripada erti “*growth*” (pertumbuhan) dan “*development*” (pembangunan) yang bermakna tetap menekankan pembangunan berasaskan ekonomi dan pembangunan sosial. Konsep menarik daripada Todaro (2008) ialah “pembangunan sebagai usaha menghapuskan pelbagai bentuk masalah manusia seperti kekurangan zat, pengangguran dan ketidakseimbangan pendapatan. Jika hanya dihitungkan berdasarkan tahap pertumbuhan, maka kemungkinan pembangunan yang sudah dijalankan selama ini telah membawa kejayaan besar. Tetapi apabila diukur atas dasar jumlah peluang pekerjaan baru,

peningkatan keadilan sosial dan pembasmian kemiskinan, pembangunan selama ini tidak membuahkan hasil”. Pandangan pakar ini juga tetap menekankan pada pembangunan yang bertumpu pada pembangunan ekonomi dan pembangunan sosial, sehingga harapan menuju kemakmuran manusia dapat dicapai. Selari dengan itu Raper (2006) menyatakan seperti berikut:

“Berkait dengan pembangunan sosial, sebagai pemberian perkhidmatan sosial, yang mencakupi program daripada kesihatan, pendidikan, perumahan dan sebagainya. Secara keseluruhannya dapat memberikan sumbangan kepada penambahbaikan status hidup komuniti. Petunjuk kepada pembangunan sosial meliputi jumlah yang hidup, jumlah kematian bayi, jumlah yang berkemampuan untuk membaca, menulis dan menjadikan pembangunan sosial berorientasikan kesejahteraan sosial”.

Tambahan pula pembangunan sosial sebagai usaha mewujudkan nilai-nilai kemanusiaan seperti keadilan sosial, keamanan, ketenteraman hidup, orientasi berdikari keluarga dan komuniti, harga diri, kebebasan daripada didominasi atau penindasan orang lain serta hidup dalam kesederhanaan. Raper (2006), mengatakan bahawa “negara ada untuk kesejahteraan rakyatnya, bukan rakyat ada demi kewibawaan daripada negara”. Makna ungkapan tersebut bahawa pemerintah/negara dapat berperanan untuk meningkatkan kesejahteraan komunitinya. Dikatakan pula oleh Peter Dorner (1971) bahawa “*development is here viewed in the broad sense of expanding opportunities and the human capacities needed to exploit them, along with a general reduction of mass poverty, unemployment, and inequality*”. Peter Dorner menegaskan pembangunan harus dilihat dalam erti kata luas iaitu memperluas peluang dan kemampuan daripada komuniti yang diperlukan untuk pengurangan masalah kemiskinan, pengangguran, dan ketidaksetaraan pekerjaan untuk lelaki dan perempuan. Apabila niat ini tidak dijalankan, tentunya tidak akan menyokong ketersediaan peluang kerja sehingga kemiskinan, pengangguran tetap bertambah. Hal

yang sama apabila pembangunan tidak wujud di kawasan kajian terutamanya di empat kampung kajian kes membuat komuniti tidak berjaya, terdapat komuniti miskin dan menganggur. Pandangan pakar tersebut memberi makna bahawa pembangunan adalah suatu niat dan usaha yang dilakukan dengan sedar, terancang dan mencakupi pelbagai keperluan asas komuniti seperti makanan, pakaian, perumahan, pendidikan, kesihatan, ekonomi, kelestarian persekitaran dan aspek lain. Semua itu dapat dicapai hanya dengan sentuhan pembangunan yang lebih memihak kepada kelompok miskin dan tidak berjaya menggunakan atau mewujudkan peluang pekerjaan, penyerapan tenaga pengangguran, peningkatan pendapatan, simpanan, pembasmian kemiskinan, peningkatan nutrisi kanak-kanak dan bayi, pendidikan, kesihatan, pemeliharaan alam sekitar, dan aspek lain. Jika memenuhi keperluan yang tidak dipenuhi melalui kegiatan pembangunan luar bandar yang dirancang dengan baik dan melibatkan komuniti tempatan, maka tidak mustahil pembangunan ini berjaya.

2.2.1 Teori Pembangunan Lestari

Berdasarkan kajian teoretis yang diungkapkan oleh para sarjana, maka dapat dikemukakan teori pembangunan yang menyokong kajian program pembangunan luar bandar dan keberkesanan terhadap kesejahteraan komuniti serta ketidak berjayaannya. Todaro (2008), dan Kuncoro (2008), menjelaskan bahawa “secara umumnya terdapat dua pemahaman yang mewarnai diskusi dalam penentuan teori pembangunan iaitu, paradigma pembangunan yang berorientasi pada pertumbuhan ekonomi dan paradigma pembangunan yang berorientasikan pembangunan sosial”. Dalam kajian ini diguna teori atau strategi pembangunan lestari sebagai alat analisis. Strategi ini menekankan pada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial yang mewujudkan peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan, simpanan, pembasmian kemiskinan,

pemeliharaan alam lestari, mengurangi pengangguran golongan miskin dan golongan berekonomi lemah. Teori ini juga menguatkan pembangunan alam lestari ataupun pembangunan berkelanjutan yang bermaksud pemanfaatan sumber alam untuk masa kini namun tetap melakukan pelestarian alam bagi kepentingan generasi akan datang. Teori tersebut dikemukakan oleh badan dunia UNDP-PBB (2007), Mudrajat Kuncoro (2008), Todaro (2008), dan Winarno (2013). “Secara relevannya, pembangunan lestari dapat mewujudkan program-program yang membuka peluang pekerjaan bagi kelompok miskin, golongan berekonomi lemah berupaya memanfaatkan potensi sumber alam secara terurus dan digunakan untuk meningkatkan tahap kesejahteraan mewujudkan pendapatan, simpanan dan memelihara alam lestari. Maka tidak terdapat perbezaan kelompok yang kaya menindas yang lemah dan tidak berjaya”, Todaro (2008). Teori ini menggabungkan konsep pertumbuhan ekonomi dengan keberkesanan terhadap peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan, tabungan, penyerapan potensi sumber alam dan menekankan pentingnya pembanguna sosial dengan pemanfaatan aspek ekonomi untuk meningkatkan tahap kesejahteraan komuniti, seperti pemenuhan keperluan pendidikan, kesihatan, perumahan, sarana ekonomi, pelestarian alam sekitar, dan infrastruktur (pengangkutan) yang jika dipelihara dengan baik akan menyokong pembangunan berkelanjutan bagi kesejahteraan generasi akan datang. Pembangunan lestari sebagai model atau konsep yang dikembangkan oleh negara-negara membangun setelah tidak berjaya melaksanakan pembangunan yang bertumpu pada pertumbuhan ekonomi dengan harapan akan memberi keberkesanan titisan bagi kelompok yang lemah dan tidak berjaya dalam mewujudkan peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan, membasmi kemiskinan, pengangguran dan pelestarian alam sekitar. Dalam kehidupan di alam ini, peranan komuniti sangat penting bagi mengguna dan melestarikan sumber alam bagi

keperluan masa kini dan generasi masa hadapan. Sokongan dari United Nations (1991)

tentang:

“Community Environment Awareness Programme. The Programme aims to promote the participation of the community in issues relating to environmental degradation, pollution, conservation, and to promote community action for environment conservation through existing NGOs, seminars, publications, etc. It has links with the National Trust of Fiji, other government ministries and committees on the environment, the South Pacific Action Committee for Human Ecology and the Environment (SPACHEE) and international agencies”.

Penekanan daripada program kesedaran alam sekitar oleh masyarakat. Menyedari pentingnya pembangunan lestari, maka dijalankan program yang bertujuan mempromosikan penyertaan masyarakat dalam isu-isu yang berhubungkait dengan kemusnahan alam sekitar, pencemaran, konservasi dan keterlibatan komuniti dengan Lembaga Swadaya Masyarakat (LSM) dalam usaha melestarikan atau menjaga kemusnahan alam sekitar. Selari dengan itu program yang dijalankan LSM telah menjalin kerjasama dengan Pemerintah Nasional Fiji, Departemen Kerajaan yang menguruskan persekitaran dan Komite Pasifik Selatan untuk Ekologi Manusia dan Persekitaran serta badan-badan antara bangsa lain. Gerakan untuk menyelamatkan persekitaran serta kehidupan manusia kini dan masa hadapan, maka pelbagai program pelestarian alam sekitar dilaksanakan disemua negara termasuk di Indonesia. Pemerintah membentuk kementerian persekitaran dan jabatan-jabatan dari pusat pemerintahan di Jakarta hingga ke daerah-daerah. Program telah dijalankan, namun belum juga berjaya menyelamatkan alam sekitar dari kemusnahan. Hasil penyelidikan di empat kampung kajian memberi petunjuk belum ada program yang dijalankan untuk menyedarkan komuniti dan kaki tangan kerajaan tentang persekitaran dan kehidupan komuniti kini dan masa hadapan. Mereka lebih banyak menanam jenis tanaman tempatan seperti keladi, sayur-sayuran, buah betik, nanas, limau, rambutan, durian,

kacang tanah, bawang, dan hasil tangkapan ikan tasik, dengan pengeluaran dan pendapatan yang rendah atau tidak menentu. Pola perladangan yang dijalankan ini sebagai wujud kemusnahan persekitaran seperti dibentangkan daripada rajah dibahagian ini.



Rajah 2.1
Perladangan dengan tanaman tempatan
di kampung kajian kes Fiane daerah Ayamaru

Walaupun pengeluaran dan pendapatan yang rendah, mereka tetap melakukan pelbagai aktiviti untuk memenuhi kesejahteraannya. Konsep lestari mengandungi makna sesuatu yang baik, indah, aman dan harmoni dalam kehidupan komuniti dan alam sekitar yang menyokong kehidupan manusia kini dan anak cucu pada masa hadapan. Hasil penyelidikan Yahya Ibrahim (2009), menjelaskan bahawa erti pembangunan lestari ialah pembangunan yang menyediakan penambahbaikan terhadap kualiti kehidupan manusia dan pada masa yang sama memelihara kehidupan alam semulajadi dan kepelbagaian bumi. Konsep ini amat menitikberatkan peranan dan keterlibatan komuniti dalam proses perancangan dan pengurusan pembangunan. Menurut Todaro (2008) telah menggunakan istilah berkesinambungan dalam usaha memperjelas kesinambungan yang paling diinginkan antara pertumbuhan ekonomi dengan pelestarian persekitaran hidup atau sumber alam. Meskipun definisi cukup

banyak, namun pada dasarnya istilah berkesinambungan itu mengarah kepada memenuhi keperluan generasi sekarang tanpa merugikan keperluan generasi akan datang. Secara dasarnya, sumber alam yang terdapat di sesebuah negara mendasari kehidupan segenap penduduknya. Kualiti udara, air dan tanah mestilah dilestarikan agar dapat dinikmati oleh generasi seterusnya. Pandangan ini merupakan amalan bagi semua komuniti di seluruh pelosok dunia kerana persekitaran dan sumber alam menjadi sangat penting dalam kehidupan manusia kini dan kehidupan generasi akan datang. Relevansi teori ini bagi kawasan kajian masih jauh dari harapan kerana komuniti tempatan masih menjalankan pertanian perladangan. Sumber alam tidak lestari kerana terjadi kemusnahan alam, seperti pembersihan rumput, penebangan pokok, dan pembakaran yang mengakibatkan hutan tandus, kekeringan sungai, tasik, kesuburan lahan dan kesan lain. Dapatan kajian sebagai petunjuk kerajaan belum menjalankan program-program pembangunan alam lestari, sehingga kemusnahan persekitaran tetap berlanjutan dan merugikan, terutama tahap kesejahteraan komuniti.

Aspek alam sekitar merupakan anugerah Tuhan kepada manusia untuk dikawal dan digunakan secara semula jadi demi kesejahteraan komuniti dan pemeliharaan alam lestari dengan sumber alam yang terkandung di dalamnya bagi manusia kini dan generasi pada masa hadapan. Jika tidak dijaga dan dilestarikan, maka akan terjadi keberkesanan terhadap kemusnahan alam sekitar seperti pembakaran hutan, pencemaran air, udara, penebangan hutan, dan hakisan sehingga tidak akan menyokong usaha pembangunan berterusan. Kerajaan perlu menjalankan program-program pelestarian untuk mengawal kelestarian alam sekitar seperti penetapan peraturan/undang-undang yang melarang kemusnahan alam sekitar, penetapan kawasan hijau, sekatan rasmi sebagai hukuman kepada yang memusnahkan alam. Berlandaskan ungkapan tersebut, Fauzi (2006) menyatakan bahawa pembangunan

berwawasan persekitaran ibarat seperti manusia, persekitaran hidup memiliki had pertumbuhan dan perkembangan. Hal ini kerana, apabila berlaku pertambahan penduduk, industrialisasi, pengeluaran makanan, serta kemusnahan sumber alam tidak dijaga dengan saksama, maka kemampuan bumi menyokong kehidupan tidak mustahil lebih cepat daripada yang difikirkan. Isu persekitaran kehidupan kini mula dikaitkan dengan kemusnahan alam sekitar. Komuniti luar bandar dan kawasan kajian menekuni pekerjaan sebagai peladang atau petani tradisional dengan sistem olahan tanah terbuka yang ditebas, dibakar, ditanam dan dipetik hasilnya tentulah membawa kesan terhadap kemusnahan sumber alam seperti tahap kesuburan tanah, penebangan hutan, pencemaran sumber air, kekeringan sungai dan kesan yang lain. Persoalan ini jika dibiarkan berterusan akan sangat merugikan komuniti tempatan sendiri, juga kawasan penempatan kerajaan, dan sekaligus terjadinya kemusnahan persekitaran.

Bagi menyokong ungkapan tersebut, Rante (2013), menyatakan bahawa potensi sumber alam milik rakyat yang sangat banyak di Papua, kekayaan sumber alam di dalam tanah, di atas permukaan tanah serta di dalam laut belum dimanfaatkan dengan sepenuhnya oleh seluruh rakyat Papua. Jumlah rakyat Papua lebih banyak bergantung hidup terhadap sumber daripada bidang pertanian, perikanan, penternakan dan perkebunan. Usaha yang dijalankan daripada aktiviti ekonomi ini masih belum mampu meningkatkan kesejahteraan dan keperluan hidup komuniti kerana mereka tidak menggunakan teknologi yang lebih maju, belum dikendalikan secara berdikari, sehingga hasilnya masih rendah dan mempunyai kesan terhadap kemusnahan alam sekitar. Pembangunan di kawasan kajian jika dilaksanakan dengan baik akan dapat menyedarkan komuniti tempatan untuk meneroka tanah dengan cara-cara baru yang tidak memusnahkan alam sekitar. Selari dengan kajian para pakar dan pemimpin negara-negara di dunia, terutama negara membangun tentang kepentingan dan manfaat

alam sekitar bagi manusia, termasuk komuniti asal di kawasan kajian, masalah yang timbul, disoroti dari dua segi iaitu pendidikan dan kemiskinan. Penduduk yang mempunyai tahap pendidikan masih berada pada tahap buta huruf, pendidikan rendah, tahap pemahaman dan kesedaran tentang persekitaran rendah dan mempunyai kesan terhadap kemusnahan alam sekitar, seperti pembakaran hutan, penebangan pokok untuk bahan pembangunan dan keperluan keluarga, pola pertanian jenis sara hidup, dan pencemaran sumber air. Sedangkan aspek kemiskinan yang berhubungkait dengan masalah ekonomi dan keperluan hidup telah mendorong komuniti tempatan melakukan penebangan pokok untuk pengambilan kayubakar, pembasmian ikan, udang, ketam dengan menggunakan racun akar tuba, penggalian sumber alam seperti pasir, batu, kerikil, dan tanah yang dapat dipasarkan atau untuk keperluan hidup. Bagi mengukuhkan kenyataan ini. Fauzi (2006) menjelaskan bahawa isu persekitaran hidup telah banyak dibahaskan dalam wacana pembangunan sejak awal tahun 1970-an, yang akhirnya membawa kepada gagasan pembangunan lestari. Perdebatan tentang persekitaran hidup cenderung menempatkan alam dan manusia, juga krisis alam serta krisis keadilan dalam keadaan yang statik. Pernyataan ini menyanggah gagasan tersebut dengan hujahan bahawa hal yang paling utama dalam wacana persekitaran hidup dan pembangunan bukan semata-mata terletak pada manusia dan alam, tetapi dalam hubungan antara kedua-duanya. Penentangan terhadap pembangunan yang berterusan adalah untuk secara berterusan mendefinisikan kembali hubungan antara manusia dengan alam.

2.3 Pembangunan Luar Bandar

Pembangunan luar bandar tentunya akan berasaskan konsep, strategi dan paradigma baru yang berpihak kepada komuniti yang miskin dan tidak berdaya yang


tinggal di luar bandar. Pembangunan luar bandar tetap berasaskan strategi pembangunan berpusatkan komuniti. Korten dan Corner (1993), menjelaskan tentang model pembangunan berpusatkan komuniti bahawa bagaimana caranya manusia dapat berperanan sebagai pusat perhatian atau subjek yang berperanan aktif, sedangkan proses pembangunannya mestilah menguntungkan semua pihak. Dalam konteks ini, masalah kemiskinan, kelompok penderita dan semakin meningkatnya pengangguran perlu mendapat perhatian khusus. Todaro (2008), menjelaskan bahawa pada hakikatnya pembangunan mestilah menyuarakan seluruh nada dasar perubahan yang seirama dengan pelbagai dasar keperluan dan keinginan setiap kelompok masyarakat yang bernaung dalam sistem itu, bergerak maju ke arah kehidupan yang jauh lebih baik dari segi material mahupun spiritualnya.

Tentang strategi dasar pembangunan komuniti luar bandar, dapat digunakan pendekatan pemihakan dan pemerksaan. Pendekatan ini perlu diamalkan dalam bentuk dan program pembangunan luar bandar seperti proses pengembangan kapasiti masyarakat, sumber manusia bermutu, prasarana dan sarana, sosial, ekonomi, serta persekitaran yang lengkap dan institusi masyarakat yang maju dan membangun. Pendekatan dan strategi ini sejajar dengan pembangunan yang berpusatkan rakyat, agar masyarakat luar bandar diberikan penguatan, peluang yang mendorong tekak untuk berdikari dan kreativiti untuk meningkatkan tahap kesejahteraannya, agar tidak banyak menggantungkan keperluannya kepada orang lain. Huraian di atas mengacu kepada strategi pembangunan berpusatkan rakyat. Hal ini tetap merupakan dasar dalam amalan program pembangunan luar bandar. Pandangan Francis Blanchard (2003) yang dipetik Depsos (2009), menjelaskan bahawa beban utama pembangunan dan penciptaan bidang pekerjaan pada akhirnya akan ditanggung oleh sektor perekonomian yang bertumpu pada kegiatan-kegiatan pertanian iaitu, sektor luar

bandar. Apatah lagi di Indonesia, lebih separuh penduduknya menetap di daerah-daerah di luar bandar. Fakta yang lebih penting daripada angka di atas adalah kehidupan utamanya bersumberkan pertanian sebagai saraan hidup. Cara mereka mempertahankan hidup sehari-hari sudah merupakan masalah utama yang merampas seluruh perhatian dan tenaga. Pandangan daripada pakar tersebut menunjukkan kehidupan penduduk miskin tempatan yang memerlukan pendekatan dan strategi yang mampu membebaskan mereka daripada masalah yang dihadapinya. Tentang pembangunan masyarakat pertanian di kawasan luar bandar bahawa pembangunan komuniti pertanian diertikan sebagai pembangunan pertanian yang tentunya memihak kepada petani. Elemen terpenting dalam mengimplementasikan pembangunan komuniti pertanian adalah pemerksaan sumber manusia petani yang menempati posisi sangat strategik sebagai pelaku utama. Pembangunan pertanian yang berdimensi komuniti mesti dirancang sedemikian rupa agar dapat berakhir dengan kaum petani dan bermula juga dengan kaum petani. Konsep inilah yang akan menggeser paradigma program sepihak daripada kerajaan (*top down*) menjadi keperluan dasar komuniti (*bottom up*). Pendapat pakar ini tetap menempatkan manusia sebagai pelaku utama dari faktor pengeluaran lain seperti tanah, modal, dan institusi sosial dalam proses pembangunan pertanian. Strategi pembangunan yang berpusatkan komuniti menyarankan agar manusia perlu diajarkan supaya kuat agar dapat menggunakan sumber ekonomi, sumber alam dan sumber lain untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

Hikmat Harry (2006), menjelaskan bahawa pembangunan yang berjaya memerlukan tanggung jawab kerajaan untuk mengerakkan dan penyertaan komuniti tempatan dalam proses pelaksanaannya. Hal tersebut akan melahirkan inisiatif, kreativiti, dan penglibatan mereka untuk membangunkan diri sendiri. Penglibatan

mereka merupakan komponen penting dalam pembangkitan kemandirian dan proses pemerksaan. Sorotan literatur ini mempunyai makna bahawa jika pembangunan komuniti luar bandar tidak dilakukan oleh pihak kerajaan dengan bentuk program wujud sokongan kewangan, tenaga pengiring, kemudahan dan sarana-prasarana, sosial, ekonomi dan persekitaran sebagai motivasi awal, mustahil akan terjadi perubahan yang cepat. Faktor ketidakberjayaan pembangunan tetap berpunca pada kemiskinan, seperti yang dikatakan oleh Lewis (2002), bahawa dalam pengertian dasar, masalah kemiskinan itu berupa terlalu sedikitnya jumlah yang dimiliki, terlalu sedikitnya yang dijual di pasaran dan terlalu rendahnya harga di pasaran. Pendekatan pembasmian kemiskinan menekankan pada peningkatan produktiviti melalui cara intensif buruh dalam pekerjaan penggalian sumber alam seperti pasir, batu, kerikil, tanah, dan karang yang dilaksanakan oleh kerajaan dengan tujuan mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan kaum miskin. Hal ini sebagai landasan awal untuk mendahulukan tindakan perbaikan oleh kerajaan bagi program dan kegiatan pembangunan luar bandar. Bagi mencapai tujuan dasar pembangunan, maka mesti dilakukan tindakan dasar. Dunn (2003), menjelaskan tentang jenis-jenis tindakan dasar (polisi) yang meliputi komponen dasar, perataan, peruntukan, pertubuhan, program dan projek atau kegiatan, seperti tertera pada rajah 2.2 di bawah.



Sumber : Dunn (2003)

Rajah 2.2
Jenis-jenis tindakan dasar

Aliran pemikiran ini menjadi sumber dokumen acuan dalam implementasi dasar sehingga menghindari penyimpangan keperluan hidup daripada pelaku pembangunan pada tahap daerah dan luar bandar. Program yang dilakukan oleh kerajaan untuk komuniti luar bandar mesti berlandaskan pengawalan serta peraturan yang ditetapkan kerajaan agar menghindari penyalahgunaan wang, kemudahan, penempatan tenaga, program yang tidak sesuai dan faktor-faktor lain. Berkaitan dengan dasar suatu pembangunan, sangat diharapkan pencapaian hasil pembangunan dengan penunjuk kesan guna, yang menjawab keperluan komuniti. Penunjuk sosial sebagai sasaran capaian dinyatakan oleh Dunn (2003).

Jadual 2.1
Penunjuk sosial yang relevan

Bidang	Penunjuk
Kesihatan dan kesakitan	Orang di rumah sakit mental
Keamanan komuniti	Orang yang takut berjalan sendiri pada malam hari
Pendidikan	Lulusan sekolah menengah yang berumur 25 atau lebih
Tenaga kerja	Kadar penyertaan buruh wanita
Pendapatan	Peratus penduduk di bawah garis kemiskinan
Perumahan	Keluarga yang hidup di rumah yang tidak standard
Rekreasi	Cuti tahunan yang tetap dibayar
Kependudukan	Penduduk sebenar dan projek
Kerajaan dan politik	Kualiti pentadbiran komuniti
Nilai dan sikap social	Kepuasan hidup dan pengasingan
Mobiliti social	Perubahan pekerjaan bapa
Persekitaran fizikal	Indeks pencemaran udara
Sains dan teknologi	Penemuan ilmiah

Sumber: Dunn (2003)

Pencapaian kemakmuran dan pemenuhan keperluan komuniti luar bandar sangat bergantung pada aspek kerjasama dan koordinasi antara pelaku pembangunan iaitu kerajaan, pihak swasta dan komuniti. Aspek kehidupan dengan penunjuk pencapaian seperti tertera pada jadual tersebut sangat ditentukan oleh peranan kerajaan dengan melibatkan pihak swasta dan komuniti tempatan. Todaro (2004), menjelaskan ada tiga nilai teras pembangunan seperti berikut:

“Nafkah hidup, harga diri dan kebebasan. Nafkah hidup bererti kemampuan untuk memenuhi keperluan dasar iaitu pakaian, makanan, perumahan, pendidikan, kesihatan dan perlindungan. Semua orang mempunyai keperluan asas tertentu yang apabila tanpanya hidup ini menjadi serba tak kena. Sedangkan harga diri wujud dalam kehidupan yang baik, berharga dan terhormat dalam bentuk ciri keaslian (hak asasi), identiti, martabat, sikap hormat, penghargaan/pengakuan, pengakuan budaya, dan sebagainya. Aspek penting yang lain adalah kebebasan yang bermakna bebas daripada perhambaan, semestinya merupakan erti penting daripada pembangunan. Kebebasan bukan dalam erti politik tetapi bebas daripada keterasingan, ketidakperkasaaan pendidikan, kegagalan ekonomi, perhambaan sosial, kebodohan kesengsaraan, dan sebagainya”.

Pernyataan pakar tersebut mengingatkan pelaku pembangunan untuk mengedepankan asas kemanusiaan dalam memberikan perlindungan dan pemerkasaan kerana hanya melalui campur tangan pembangunan secara bertahap ketiga-tiga nilai tersebut dapat dicapai. Pandangan para pakar sebagai petunjuk teoretis yang memberi arah kepada para pengambil dasar (polisi) daripada kerajaan iaitu dalam melakukan usaha-usaha strategik berbentuk program/kegiatan mencapai kesejahteraan. Program penting pembangunan yang dirancang oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa (PBB) melalui United Nations Development Programme/UNDP (2007), menetapkan lapan tujuan dan sebelas target pembangunan milenium. Pernyataan yang dimuatkan dalam lapan tujuan dan sebelas target terfokus pada perkara berikut:

“Kemiskinan dan kerjasama negara-negara anggota pertubuhan bangsa-bangsa untuk membasmi kemiskinan dan kesan yang ditimbulkan Antaranya penekanan penambahan penduduk,

perkhidmatan kesihatan, pendidikan, perumahan, peningkatan pemakanan kanak-kanak dan bayi, kesihatan ibu, kesamarataan hak gender, penurunan angka kematian, pencegahan aids dan penyakit berbahaya, penghuni daripada kawasan perkumuhan, pelestarian persekitaran dan wawasan pembangunan berterusan”.

Target yang ditetapkan oleh PBB dengan masa pencapaian tahun 2015 berbeza bagi setiap negara membangun, termasuk Indonesia. Khususnya di daerah kes kajian seperti Mefkajim, Fiane, Kambuaya dan Kambuskato yang kehidupan komuniti masih sederhana dan sangat diperlukan kegiatan-kegiatan pembangunan yang menguatkan dan menyokong usaha kreatif mandiri daripada memaksakan sesuatu yang baru pasti akan menimbulkan kegagalan dan menciptakan jurang kemiskinan yang lebih buruk. Menurut United Nations, Millenium Development Goals (2007) dalam UNDP yang ditandatangani oleh 189 buah negara anggota PBB mengemukakan dapatan berikut:

“Kita memilih tanggungjawab bersama untuk menegakkan prinsip-prinsip kemuliaan, persamaan hak, dan keadilan manusia pada tahap global. Oleh sebab itu, sebagai pemimpin kami memiliki tugas untuk di seluruh dunia, terutama mereka yang paling lemah dan khususnya kepada kanak-kanak di dunia, yang menyandang tanggungjawab sebagai waris pemeraksanaan pembangunan pada masa hadapan. Tujuan utama kita dalam pembangunan adalah untuk mengurangkan jurang yang terjadi antara negara di dunia dan di dalam negara itu sendiri”.

Cabaran utama pembangunan pada zaman ini adalah cabaran untuk mewujudkan satu penyatuan yang bersifat universal. Menyedari pentingnya usaha tersebut, maka dilakukan pengelompokan negara di dunia untuk mempercepat pencapaian tahap kesejahteraan dan kemakmuran komuniti. Misalnya pengelompokan negara maju dan negara membangun atau negara-negara dunia ketiga yang berdasarkan pendapatan per kapita nasional dari setiap negara. Dengan pola tersebut, negara-negara kaya yang berpendapatan tinggi dapat membantu meringankan beban negara-negara membangun, terutama pembasmian kemiskinan dan pengangguran dalam bentuk bantuan kewangan dan kebendaan dari luar negara, pinjaman dengan